



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN RAMALAN  
INSTRUMEN PENGUJIAN BAHASA MELAYU  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM**

**ZAID BIN HAJI ALI**

**FPP 1997 33**

**KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN RAMALAN  
INSTRUMEN PENGUJIAN BAHASA MELAYU  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM**

**Oleh**

**ZAID BIN HAJI ALI**

**Kertas Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan Sebagai Sebahagian  
Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains  
Di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

**September 1997**



***Dedikasi kepada ibu bapaku serta semua guruku,  
dari peringkat sekolah dasar hinggalah  
ke peringkat universiti yang  
bertanggungjawab membentuk peribadiku  
dan mengisi dadaku  
dengan ilmu***



## PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, saya dapat menamatkan kursus sarjana dan menyiapkan kertas projek penyelidikan ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Master Sains.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang utama saya tujukan kepada Dr. Abdul Fatah Bin Abdul Malek selaku Pengerusi dan Penyelia kertas projek penyelidikan saya kerana bimbingan, nasihat, tunjuk ajar, dedikasi, dan kesabaran beliau yang tidak ternilai sepanjang saya mengusahakan projek penyelidikan ini. Pengetahuannya yang mendalam tentang disiplin pengujian dan penilaian dan pengalaman yang luas dalam selok-belok penyelidikan ilmiah, saya memperoleh manfaat yang besar sekali.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan juga kepada Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan, Profesor-Profesor, dan Pensyarah-Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan dan Fakulti Pengajian Bahasa Moden yang telah banyak mencurahkan ilmu pendidikan dan ilmu bahasa kepada saya sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia. Tidak lupa juga saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di Pusat Pengajian Siswazah dan di Pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Siswazah), Fakulti Pengajian Pendidikan serta rakan-rakan

seperjuangan program Master Sains atas bantuan dan kerjasama semasa saya menyediakan projek penyelidikan ini.

Saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menawarkan biasiswa kepada saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana, di bawah Skim Latihan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Tidak lupa juga saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih daun keladi kepada pengetua-pengetua, guru-guru, dan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini atas segala bantuan dan kerjasama yang amat memberangsangkan yang diberikan kepada saya semasa saya menjalankan kajian di sekolah-sekolah berkenaan.

Akhir sekali, saya berhutang budi kepada semua pihak yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu atas apa jua bentuk bantuan dan kerjasama yang dihulurkan semasa saya mengusahakan projek penyelidikan ini. Semoga Allah S.W.T. akan memberkati segala sumbangan luhur anda semua. Insyallah.

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN .....	iii
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI SINGKATAN .....	ix
ABSTRAK .....	x
ABSTRACT .....	xiii
BAB	
I      PENDAHULUAN .....	1
Latar Belakang Kajian .....	2
Pernyataan Masalah .....	8
Objektif Kajian .....	10
Kepentingan Kajian .....	11
Batasan Kajian .....	12
Definisi Operasional .....	13
Kebolehpercayaan .....	14
Ujian .....	14
Kesahan Ramalan .....	14
Ujian Sumatif .....	15
Peperiksaan Percubaan .....	15
II     SOROTAN LITERATUR .....	16
Pengenalan .....	16
Teori-teori Linguistik yang Berkaitan dengan Kebolehpercayaan dan Kesahan Bahan Instrumen Pengujian Kemahiran Bahasa .....	18
Kajian Tentang Kebolehpercayaan Instrumen Pengujian Format Aneka Pilihan dalam Pendidikan Bahasa .....	29

BAB	Halaman
Kajian Tentang Kebolehpercayaan dan Kesahan Ramalan Instrumen Pengujian Kemahiran Bahasa .....	36
III    METODOLOGI KAJIAN .....	48
Kerangka Teori Kajian .....	48
Reka Bentuk Kajian .....	51
Subjek Kajian .....	52
Tempat Kajian .....	53
Instrumentasi .....	54
Prosedur Pengumpulan Data .....	56
Pemrosesan Data .....	57
IV    DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN.....	59
Pengenalan .....	59
Analisis Markat Ujian .....	60
Taburan Markat Ujian .....	60
Min, Mod, Median, Varians, dan Sisihan Piawai Markat Ujian .....	66
Indeks Kesukaran Instrumen Pengujian .....	78
Indeks Diskriminasi Instrumen Pengujian .....	85
Kebolehpercayaan Instrumen Pengujian .....	90
Kesahan Ramalan Instrumen Pengujian .....	96
V    KESIMPULAN DAN CADANGAN .....	107
Pengenalan .....	107
Kesimpulan .....	108
Cadangan Kajian .....	116
Cadangan untuk Kajian Selanjutnya .....	125
BIBLIOGRAFI .....	128
LAMPIRAN:	
A    Surat-surat Kebenaran .....	133
B    Contoh Instrumen Pengujian .....	136
C    Data-data Kajian .....	153
VITA .....	163

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Model Pembahagian Aspek Bahasa untuk Bahan Ujian .....	23
2. Korelasi Kebolehpercayaan Bagi Tiap-Tiap Jenis Format Ujian .....	33
3. Kebolehpercayaan Ujian Bagi 4 Jenis Format Ujian .....	34
4. Taburan Markat Ujian Pelajar-Pelajar STBP .....	61
5. Taburan Markat Ujian Pelajar-Pelajar SMPTI .....	62
6. Taburan Markat Ujian Pelajar-Pelajar SDBL .....	63
7. Taburan Markat Ujian Pelajar-Pelajar SMMS .....	64
8. Taburan Markat Ujian Pelajar-Pelajar SMDM .....	65
9. Min, Mod, Median, Varians, dan Sisihan Piawai Markat Ujian ...	67
10. Sebaran Markat Ujian Pelajar-Pelajar STBP dalam Sela Sisihan Piawai .....	67
11. Kadar Kes Yang Terletak dalam Sisihan Piawai bagi Satu Taburan Normal .....	69
12. Sebaran Markat Ujian Pelajar-Pelajar SMPTI dalam Sela Sisihan Piawai .....	70
13. Sebaran Markat Ujian Pelajar-Pelajar SDBL dalam Sela Sisihan Piawai .....	72
14. Sebaran Markat Ujian Pelajar-Pelajar SMMS dalam Sela Sisihan Piawai .....	74
15. Sebaran Markat Ujian Pelajar-Pelajar SMDM dalam Sela Sisihan Piawai .....	77
16. Skema Indeks Kesukaran .....	80



Jadual	Muka Surat
17. Indeks Kesukaran Instrumen Pengujian .....	81
18. Skema Indeks Diskriminasi .....	86
19. Indeks Diskriminasi Instrumen Pengujian .....	87
20. Indeks Kebolehpercayaan Instrumen Pengujian Menggunakan Kaedah 'Split-Half' - Spearman Brown .....	92
21. Indeks Kebolehpercayaan Instrumen Pengujian Ujian Statistik Pekali Alpha Cronbach .....	93
22. Skema Skala Markat dan Gred Pencapaian .....	99
23. Korelasi Gred Peperiksaan Percubaan dan Gred STPM .....	100
24. Skema Nilai Pekali Korelasi Guilford .....	100

## SENARAI SINGKATAN

ID	=	Indeks Diskriminasi
IK	=	Indeks Kesukaran
JPU	=	Jadual Penentuan Ujian
KA	=	Kumpulan Atas
KB	=	Kumpulan Bawah
KT	=	Kumpulan Tengah
N	=	Jumlah
PMR	=	Penilaian Menengah Rendah
PTS	=	Penilaian Tahap Satu
r	=	Nilai Pekali Korelasi Pearson
r <sup>2</sup>	=	Nilai Pekali Spearman Brown
rb	=	Gerak Balas Betul
rtt	=	Indeks Kebolehpercayaan
SK	=	Saiz Sampel
SMDM	=	Sekolah Menengah Dato' Menteri
SMMS	=	Sekolah Menengah Munshi Sulaiman
SMPTI	=	Sekolah Menengah Perempuan Temenggung Ibrahim
STBP	=	Sekolah Tinggi Batu Pahat
STPM	=	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
UPSR	=	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

Abstrak Kertas Projek Penyelidikan yang dikemukakan kepada Universiti  
Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat  
keperluan Ijazah Master Sains

**KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN RAMALAN  
INSTRUMEN PENGUJIAN BAHASA MELAYU  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM**

Oleh

**ZAID BIN HAJI ALI**

**SEPTEMBER 1997**

Pengerusi : Abdul Fatah Bin Abdul Malek, Ph. D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Penyelidikan ini bertujuan untuk menentukan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran bahasa pelajar-pelajar tingkatan enam atas, kebolehpercayaan dan kesahan ramalan instrumen pengujian Bahasa Melayu, kertas 1, yang digunakan dalam peperiksaan percubaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia di lima buah sekolah menengah atas, di daerah Batu Pahat, Johor.

Kaedah kajian deskriptif tinjauan digunakan dalam penyelidikan ini. Seramai 250 orang pelajar tingkatan enam atas yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan percubaan STPM telah dipilih

untuk menjadi sampel penyelidikan ini. Data-data penyelidikan diperoleh dengan menganalisis 15,000 respons jawapan aneka pilihan pelajar-pelajar.

Data-data dianalisis untuk memperoleh frekuensi, min, peratus, dan sisihan piawai markat-markat ujian bagi menentukan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran bahasa pelajar-pelajar tingkatan enam atas. Indeks Kesukaran (IK) dan Indeks Diskriminasi (ID) item instrumen pengujian ditentukan berdasarkan formula IK dan ID (Gronlund, 1977). Kebolehpercayaan instrumen pengujian pula ditentukan dengan menggunakan kaedah 'split half' - Spearman Brown dan analisis statistik Pekali Alpha Cronbach, manakala analisis statistik Pekali Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kesahan ramalan instrumen pengujian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan bahasa pelajar-pelajar tingkatan enam atas di lima buah sekolah yang dikaji dalam aspek pengetahuan dan kemahiran bahasa yang diuji adalah pada tahap sederhana. Hasil analisis markat-markat untuk menentukan IK instrumen pengujian menunjukkan bahawa item-item ujian yang digunakan tidak mempunyai nilai IK item pengujian yang baik, begitu juga dengan nisbah pemeringkatan aras kesukaran item-item.

Berhubung dengan ID item pengujian, dapatan kajian menunjukkan bahawa instrumen pengujian yang digunakan dalam peperiksaan percubaan tersebut tidak mempunyai ID item pengujian yang baik, sama ada dari segi nilai ID bagi setiap item ataupun nisbah keseimbangan taburan ID item-item.

Dari segi kebolehpercayaan instrumen pengujian pula, hasil kajian mendapati bahawa instrumen pengujian peperiksaan percubaan yang digunakan di sekolah-sekolah tersebut mempunyai nilai indeks kebolehpercayaan yang lebih rendah daripada piawai indeks kebolehpercayaan pengujian, iaitu 0.85. Kajian ini membuktikan bahawa instrumen pengujian peperiksaan percubaan tersebut tidak mempunyai kebolehpercayaan sebagai instrumen penilaian rujukan norma.

Hasil analisis statistik Pekali Korelasi Pearson membuktikan bahawa korelasi antara gred peperiksaan percubaan dengan gred STPM, mempunyai nilai korelasi yang rendah berbanding dengan piawai nilai korelasi kesahan ramalan instrumen pengujian rujukan norma yang baik. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa instrumen pengujian peperiksaan percubaan tersebut tidak mempunyai kesahan ramalan yang baik.

Kesimpulan dapatan kajian ini membuktikan bahawa instrumen pengujian Bahasa Melayu, kertas 1, yang digunakan dalam peperiksaan percubaan STPM di lima buah sekolah yang dikaji tidak mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan ramalan. Kajian ini juga membuktikan bahawa keputusan peperiksaan percubaan Bahasa Melayu, kertas 1, STPM, pelajar-pelajar di sekolah berkenaan tidak dapat meramalkan keputusan atau pencapaian sebenar pelajar-pelajar dalam peperiksaan STPM.

Abstract of the project paper research submitted to the University Putra  
Malaysia as partial fulfillment of the requirements for the degree of  
Master of Science

**RELIABILITY AND PREDICTIVE VALIDITY OF THE TESTING  
INSTRUMENT FOR THE TRIAL EXAMINATION OF BAHASA MELAYU  
MALAYSIAN HIGHER SCHOOL CERTIFICATE**

By

**ZAID BIN HAJI ALI**

**SEPTEMBER 1997**

Chairman : Abdul Fatah Bin Abdul Malek, Ph.D.

Faculty : Educational Studies

This study was to specify the level of knowledge competency and language skills of the Sixth Form students, reliability and predictive validity of the instrument used for testing Bahasa Melayu, Paper 1 in the trial examination of Malaysian Higher School Certificate in five higher secondary schools in the district of Batu Pahat, Johore.

Descriptive survey method was used in this study. Two hundred and fifty respondents were selected among Sixth Form students who sat for the



Paper 1, Bahasa Melayu, Trial Examination, 1996. Data was obtained from the analysis of 15,000 responses (answers) based on multiple choice items.

Frequency, mean and standard deviation values were obtained from the test scores to determine the level of knowledge acquisition and language skills of the Sixth Form students. Facility Value (FV) and Discrimination Index (DI) of the items in the test instrument were determined. Reliability indexes of the test instruments were obtained using the 'split-half' - Spearman Brown and Alpha Cronbach, while Correlation Coefficient (Pearson's  $r$ ) was used to specify the predictive validity of the test instrument.

The findings showed that language competency among the Sixth Form students in the five higher secondary schools in the aspects of knowledge and language skills was satisfactory. Analysis of the scores showed that the FV and the proportionate ratio of the items were unsatisfactory. Pertaining to the DI, the results also showed the unsatisfactory level of the items used in testing the respondents. The value or the distribution balance ratio of the items was also unsatisfactory.

Values of the Reliability Indexes of the testing instruments were well below the standard level of reliability which stood at 0.85. Therefore, it can be concluded that the reliability of the testing instruments was questionable. Analysis using Person's  $r$  showed that the correlation value of the grades in the trial examination and the grades in the STPM examination was below the

standard correlation predictive validity of testing instrument. Thus, it can be concluded that the testing instrument used in the trial examination was lacking in standard correlation coefficient of predictive validity.

From the findings of the study, it can be concluded that the reliability and the predictive validity of the testing instrument administered in the trial examination were questionable. Thus, the grades achieved in the trial examination may not be considered as valid predictors of the students' true achievements of Bahasa Melayu, Paper 1 in the Malaysian Higher School Certificate Examination.



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

Penilaian dan pengujian amat penting dalam bidang pendidikan. Penilaian dan pengujian dalam bidang pendidikan bahasa Melayu bukan sahaja merupakan satu proses menilai prestasi seseorang pelajar dalam sesuatu kemahiran bahasa malah maklumat yang diperoleh daripada penilaian dan pengujian itu boleh dijadikan asas bagi membuat sesuatu keputusan.

Sesuatu penilaian dan pengujian yang berkesan dan bermutu ialah penilaian dan pengujian yang hasilnya dapat menjangkakan atau meramalkan perlakuan atau prestasi seseorang pada suatu masa yang akan datang. Jelasnya, instrumen ujian yang mempunyai kebolehpercayaan ialah instrumen ujian yang mempunyai sifat kestabilan, ketekalan, ketahanan, dan ketepatan keputusan atau hasil daripada sesuatu instrumen penilaian.

Untuk mendapatkan hasil yang dapat memberikan maklumat setepat mungkin tentang prestasi pelajar, penilaian dan pengujian itu mestilah dirancang, digubal, ditadbirkan dan ditafsirkan dengan sistematik. Antara prinsip yang harus dijadikan dasar dalam pembinaan sesuatu instrumen penilaian dan pengujian ialah instrumen tersebut mestilah mempunyai sifat kesahan dan kebolehpercayaan.

Penilaian dan pengujian mestilah benar-benar menepati matlamat yang telah ditentukan agar keputusan yang terhasil dapat dimanfaatkan sepenuhnya supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat meninggalkan kesan yang optimum.

### **Latar Belakang Kajian**

Dalam sistem pendidikan di Malaysia kini, peperiksaan percubaan merupakan salah satu bentuk ujian sumatif yang lazim diadakan bagi kelas-kelas yang akan menghadapi peperiksaan awam, seperti peperiksaan Penilaian Tahap Satu (PTS), Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Pada umumnya, pelaksanaan peperiksaan percubaan yang diadakan di sekolah-sekolah di seluruh negara dipengaruhi oleh kriteria pengujian dan penilaian yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan atau Majlis Peperiksaan Malaysia. Oleh sebab peperiksaan percubaan yang berbentuk ujian sumatif semata-mata berorientasikan jangkaan atau ramalan pencapaian sebenar seseorang pelajar dalam peperiksaan yang akan ditempuh oleh mereka nanti, penyediaan soalan-soalan peperiksaan percubaan seboleh mungkin menyamai mutu peperiksaan awam, sama ada dari segi format peperiksaan, masa, pentadbiran, atau bahan pengujian (Azman Wan Chik, 1987). Untuk mencapai matlamat sebenar dan mengawal mutu peperiksaan percubaan tersebut, kebanyakan penggubal soalan mengambil soalan-soalan Lembaga Peperiksaan atau Majlis Peperiksaan Malaysia yang lepas sebagai bahan atau soalan-soalan peperiksaan percubaan tersebut (Hussein Mahmood, 1986).

Abdul Aziz Abdul Talib (1989) menjelaskan bahawa menurut teori pengujian dan penilaian, sesuatu soalan ujian yang baik perlulah sah dan boleh dipercayai. Ini bermaksud konsep kesahan dan kebolehpercayaan adalah dari segi perkara yang hendak diuji dan pengukuran yang berkaitan dengan perkara itu. Tetapi sesuatu alat ujian itu tidak boleh dianggap sah jikalau pengukurannya tidak boleh dipercayai kerana pengukuran yang tidak tekal atau tidak stabil akan menyebabkan keputusan pengukuran itu bukan sahaja tidak dapat dipercayai, malah tidak sah sekiranya digunakan. Hal ini ditegaskan oleh Kerlinger (1975) yang mengatakan bahawa wujudnya

kesilapan di dalam instrumen ujian akan menyebabkan berlakunya perbezaan dari segi keputusan; maksudnya semakin banyak kesilapan semakin tidak boleh dipercayai akan ketepatan instrumen ujian itu.

Sifat kesahan semata-mata, tanpa sifat kebolehpercayaan belum dapat menentukan bahawa sesuatu alat ujian itu baik. Ini ditegaskan oleh Heaton (1979:10) yang mengatakan bahawa:

...a good test should possess validity: that is it should measure what it is intended to measure and nothing else. If a test does this, it is said to be valid ... but a test cannot be valid unless it is reliable.

Hakikat ini pula disokong oleh Ahmann dan Glock (1981:240) yang mengatakan bahawa:

It is important to emphasize that high validity is the most important characteristic of an instrument. The role of reliability is a vital but secondary one when a measuring instrument is being appraised. Nevertheless, unless a test is reliable it cannot be valid. The importance of both characteristics can be summarized in the statement that the ideal instrument must serve the purpose or purposes for which it is intended and, in doing so, must produce consistent information.

Berdasarkan permasalahan yang wujud dalam sistem pengujian dan penilaian kini, Wan Mohd. Zahid Mohd Nor (Berita Harian, 7 Ogos 1996) menegaskan bahawa kepentingan peperiksaan percubaan tidak harus

dipandang sambil lewa kerana peperiksaan percubaan bertujuan menguji sejauh mana kemampuan serta persediaan pelajar sebelum menduduki peperiksaan sebenar. Beliau menyarankan agar soalan dalam penilaian yang dilaksanakan di peringkat sekolah hendaklah bersifat bercapah untuk menggalakkan pelajar mengemukakan buah fikiran dan pendapat mereka.

Gronlund (1977) mengatakan bahawa aspek penilaian dan pengujian dalam pengajaran adalah sama pentingnya dengan proses pengajaran itu sendiri. Matlamat utamanya adalah untuk mempertingkatkan atau memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran dan jika ditinjau daripada konteks yang lebih luas, banyak manfaat yang dapat diambil dan digunakan hasil daripada langkah mengadakan penilaian dan pengujian.

Azman Wan Chik (1994) mengatakan bahawa kebolehppercayaan ialah ketekalan, ketepatan, dan kestabilan markah sesuatu ujian itu dalam mengukur apa yang diujinya. Ketepatan dan kestabilan ialah markah yang dihasilkan dalam sesuatu ujian itu telah diperolehi oleh pengambil ujian tanpa sebarang gangguan. Ketekalan pula bermaksud jikalau pengambil ujian mengambil ujian yang sama bagi kali kedua, tanpa sebarang perubahan dari segi perlakuannya, maka ia akan memperoleh markah yang sama atau hampir-hampir sama dengan markah ujian pertamanya.

Oller (1979:4) menerangkan bahawa:

Validity questions are about what a test actually measures in relation to what it is supposed to measure. The reliability of a test is a matter of how consistently it produces similar results on different occasions under similar circumstances. Questions of reliability have to do with how consistently a test does what it is supposed to do.

Savignon (1983:232) pula menjelaskan bahawa konsep kebolehpercayaan ujian ialah:

... reliability can be defined in terms of accuracy, stability, and error measurement. Just as different bathroom scales may be more or less reliable measures of a person's weight, so different test may be more or less reliable measures of some trait of a person's behaviour. The first question one should ask about a test then, before using it as a basis for making educational discussions is "How accurately and consistently does it measures?"

Mehrens dan Lehmann (1973:124) menegaskan betapa pentingnya konsep kesahan dalam sesuatu ujian dengan mengatakan bahawa:

The degree of validity is the single most important aspect of a test. Validity can be best defined as the degree to which a test is capable of achieving certain aims... Validity is sometimes defined as truthfulness: Does the test measure what it purports to measure?

Grant Hening (1987) berpendapat bahawa konsep kesahan dalam bidang penilaian dan pengujian dimaksudkan kepada ketepatan sesuatu instrumen penilaian atau pengujian itu dalam mengukur, menilai atau menguji sesuatu yang hendak dinilai, diuji atau diukur. Semakin tepat atau semakin hampir maklumat yang diperoleh daripada penilaian dan pengujian tentang keadaan atau kedudukan sesuatu itu dengan keadaan atau kedudukan yang sebenarnya, maka semakin tinggi nilai kesahan sesuatu instrumen pengujian itu.

Tentang konsep kesahan ramalan pula, beliau mengatakan bahawa kesahan ramalan dimaksudkan kepada kesahan sesuatu keputusan penilaian dan pengujian itu dalam menjangkakan atau meramalkan perlakuan atau prestasi seseorang pada suatu masa yang akan datang. Sebagai contoh, kalau instrumen pengujian yang digunakan untuk menilai prestasi pelajar dalam sesuatu ujian percubaan dapat memperlihatkan keputusan yang hampir sama atau sama dengan keputusan peperiksaan sebenar, maka instrumen ujian percubaan itu dikatakan mempunyai sifat kesahan ramalan.

Jelasnya, instrumen ujian yang dikatakan mempunyai nilai kebolehpercayaan ialah instrumen ujian yang dapat menunjukkan hasil atau keputusan yang sama atau hampir-hampir sama jika dikemukakan berkali-kali kepada kumpulan yang sama dalam keadaan pembolehubah-pembolehubah yang lain dikawal, manakala instrumen ujian yang mempunyai

kesahan ramalan pula ialah instrumen ujian yang dipercayai dapat menelaah dengan tepat akan prestasi atau pencapaian seseorang pada suatu masa yang akan datang, berdasarkan prestasi yang ditunjukkan pada masa sekarang.

### **Pernyataan Masalah**

Kementerian Pendidikan Malaysia (Berita Harian, 17 Julai 1996) telah mengemukakan cadangan bahawa keputusan peperiksaan percubaan calon-calon STPM yang memenuhi syarat boleh digunakan untuk permohonan masuk ke universiti-universiti tempatan. Cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan itu berdasarkan kepercayaan kementerian terhadap kejujuran sistem peperiksaan yang dikendalikan di sekolah-sekolah dan keputusan peperiksaan percubaan boleh memotivasikan pelajar untuk belajar secara lebih tekun supaya peluang yang sedia ada tidak menjadi sia-sia. Selain itu, pada ketika ini, memang sudah ada pelajar yang menggunakan keputusan peperiksaan percubaan di sekolah untuk memohon melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi di luar negara yang setakat ini tiada menimbulkan sebarang rungutan daripada institusi-institusi berkenaan.



Sehubungan dengan cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi kebenaran kepada calon-calon STPM mengemukakan permohonan memasuki Institusi Pengajian Tinggi tempatan dengan menggunakan keputusan peperiksaan percubaan di sekolah masing-masing, Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Datuk Dr. Sham Sani (Utusan Malaysia, 26 Julai 1996) dengan tegas mengatakan bahawa keputusan peperiksaan percubaan yang diadakan di sekolah-sekolah tidak sesuai dijadikan kayu ukur untuk menggambarkan keputusan peperiksaan sebenar kerana penyediaan soalan-soalan peperiksaan tersebut berbeza-beza antara sebuah sekolah dengan yang lain.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, adalah perlu dijalankan kajian untuk menilai sejauh manakah kebenaran kenyataan-kenyataan tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk membuktikan bahawa; (i) Adakah penyediaan soalan mata pelajaran Bahasa Melayu, Kertas 1, peperiksaan percubaan STPM yang berbeza antara sebuah sekolah dengan yang lain mempunyai kebolehpercayaan; (ii) Adakah keputusan mata pelajaran Bahasa Melayu, Kertas 1, yang dicapai oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan percubaan STPM sama dengan keputusan sebenar peperiksaan STPM.